



ISBN 978-983-9044-75-1

BANCI EKONOMI ECONOMIC CENSUS 2011

BEKALAN AIR; PEMBETUNGAN,
PENGURUSAN SISA DAN AKTIVITI PEMULIHAN
**WATER SUPPLY; SEWERAGE, WASTE MANAGEMENT
AND REMEDIATION ACTIVITIES**



Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

"PENJANA STATISTIK NEGARA"

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



MALAYSIA

BANCI EKONOMI

ECONOMIC CENSUS

2011



**BEKALAN AIR; PEMBETUNGAN, PENGURUSAN
SISA DAN AKTIVITI PEMULIHAN**
*WATER SUPPLY; SEWERAGE, WASTE MANAGEMENT AND
REMEDIATION ACTIVITIES*



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

KATA PENGANTAR

Laporan ini membentangkan perangkaan sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Laporan ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama memuatkan hasil penemuan bagi sektor ini. Data yang difokuskan di bahagian ini adalah berkaitan nilai output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap. Maklumat berkaitan pemilikan wanita turut dimuatkan dalam laporan ini. Aspek teknikal seperti objektif, skop, liputan serta konsep dan definisi yang digunakan dalam banci ini dimuatkan di bahagian kedua laporan. Jadual-jadual terperinci bagi sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan dipaparkan di bahagian tiga bagi membolehkan pengguna membuat analisis.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang kepada laporan ini. Sebarang ulasan dan cadangan daripada para pengguna untuk menambahbaik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN

Ketua Perangkawan
Malaysia

November 2012

PREFACE

This report presents statistics on water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector obtained from the Economic Census 2011 for reference year 2010.

This report contains three sections. The first part contains the finding for this sector. The focus of the data in the first part are the value of gross output, intermediate inputs, value added, employment, salaries & wages and the value of fixed assets. Information relating to the ownership by women is also included in this report. The technical aspects such as objectives, scope, coverage as well as concepts and definitions used in this census are covered in the second part. Detailed tables for the water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector are displayed in the third part of the report to facilitate analyses by users.

The Department would like to express its appreciation and gratitude to all parties involved in contributing to this report. All comments and suggestions from users to improve this report in the future are greatly appreciated.

DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN

Chief Statistician

Malaysia

November 2012

KANDUNGAN / CONTENTS

	Muka surat Page	
Kata pengantar <i>Preface</i>	i	
Kandungan <i>Contents</i>	iii	
Ringkasan penemuan <i>Summary findings</i>	3	
Nota teknikal <i>Technical notes</i>	19	
Jadual <i>Table</i>	Senarai jadual <i>List of tables</i>	
1	Perangkaan utama sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut kumpulan dan industri, 2010 <i>Principal statistics of water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by group and industry, 2010</i>	37
2	Perangkaan utama sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by state, 2010</i>	42
3	Perangkaan utama sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by legal organisation, 2010</i>	43
4	Perangkaan utama sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by ownership, 2010</i>	44
5	Perangkaan utama sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by employment size, 2010</i>	45
6	Perangkaan utama sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by output size, 2010</i>	46
7	Perangkaan utama sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by fixed assets size, 2010</i>	47
8	Guna tenaga dan gaji & upah dalam sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Employment and salaries & wages in the water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by category of workers, 2010</i>	48

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual Table	Senarai jadual <i>List of tables</i>	Muka surat Page
9	Guna tenaga dalam sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut kumpulan dan industri, 2010 <i>Employment in the water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by group and industry, 2010</i>	49
10	Guna tenaga dalam sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut jantina dan industri, 2010 <i>Employment in the water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by gender and industry, 2010</i>	53
11	Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut kumpulan, 2010 <i>Principal statistics of women-owned establishments water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by group, 2010</i>	61
12	Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of women-owned establishment water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector by state, 2010</i>	62
Lampiran Appendix	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia, 2008 Ver. 1.0 <i>Malaysia Standard Industrial Classification, 2008 Ver. 1.0</i>	65



RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY FINDINGS

RINGKASAN PENEMUAN

BEKALAN AIR; PEMBETUNGAN, PENGURUSAN SISA DAN AKTIVITI PEMULIHAN

1. PENDAHULUAN

Laporan ini membentangkan perangkaan sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2011 bagi tahun rujukan 2010.

2. PRESTASI KESELURUHAN

Sejumlah 601 pertubuhan telah memberi maklum balas pada 2010. Nilai output kasar yang dihasilkan oleh sektor ini adalah sebanyak RM7,847.0 juta dengan input perantaraan RM4,311.6 juta serta nilai ditambah sebanyak RM3,535.4 juta.

Seramai 25,313 orang terlibat sebagai guna tenaga dalam sektor ini dengan bayaran gaji & upah sebanyak RM667.4 juta. Nilai harta tetap yang direkod adalah sebanyak RM5,255.8 juta (Jadual 2.1).

Jadual 2.1

Perangkaan utama bagi sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan, 2010

Perangkaan utama	2010
Pertubuhan (bilangan)	601
Nilai output kasar (RM juta)	7,847.0
Nilai input perantaraan (RM juta)	4,311.6
Nilai ditambah (RM juta)	3,535.4
Guna tenaga (bilangan)	25,313
Gaji & upah (RM juta)	667.4
Nilai harta tetap (RM juta)	5,255.8

3. PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN INDUSTRI

Kumpulan industri pengumpulan sisa mencatatkan bilangan pertubuhan terbesar iaitu 423 pertubuhan (70.4%), diikuti kumpulan industri penakungan, perawatan & bekalan air 77 pertubuhan (12.8%), pembetungan 33 (5.5%), pemulihan semula bahan 31 (5.2%), aktiviti pemulihan & lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa 20 (3.3%) dan rawatan & pelupusan sisa 17 (2.8%).


Penakungan, perawatan & bekalan air merupakan penyumbang terbesar kepada nilai output kasar dan nilai ditambah iaitu masing-masing RM4,621.8 juta (58.9%) dan RM2,727.8 juta (77.2%). Ini diikuti pengumpulan sisa dan pembetungan iaitu masing-masing RM1,372.6 juta (17.5%) dan RM723.2 juta (9.2%) bagi nilai output kasar manakala RM352.4 juta (10.0%) dan RM209.3 juta (5.9%) bagi nilai ditambah.

Tiga kumpulan industri lain hanya merekodkan 14.4 peratus bagi nilai output kasar dan 6.9 peratus bagi nilai ditambah (Carta 3.1 dan Carta 3.2).

RINGKASAN PENEMUAN


Carta 3.1

Peratus nilai output kasar mengikut kumpulan industri, 2010



Carta 3.2

Peratus nilai ditambah mengikut kumpulan industri, 2010



4. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Selangor mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi iaitu sebanyak 201 pertubuhan (33.4%), diikuti Pulau Pinang 109 (18.1%), Johor 77 (12.8%) dan Perak 64 (10.7%). Secara kumulatif empat negeri ini mewakili 75.0 peratus daripada keseluruhan pertubuhan dalam sektor ini (Carta 4.1).

Carta 4.1

Peratus bilangan pertubuhan mengikut negeri, 2010



Nota: ¹ Termasuk W.P. Labuan


W.P. Kuala Lumpur merekodkan nilai output kasar terbesar iaitu RM2,458.5 juta (31.3%) mengatasi Selangor RM2,027.7 juta (25.8%), Johor RM1,156.4 juta (14.7%) dan Melaka RM585.2 juta (7.5%).

RINGKASAN PENEMUAN

Situasi hampir serupa bagi nilai ditambah, dimana W.P. Kuala Lumpur mengatasi negeri lain dengan RM1,636.7 juta (46.3%), diikuti Selangor RM891.7 juta (25.2%) dan Johor RM295.3 juta (8.4%). Manakala Negeri Sembilan RM151.6 juta (4.3%) mengatasi Melaka di kedudukan keempat (Carta 4.2).

Jadual 4.2

Peratus nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut negeri, 2010



Nota: ¹ Termasuk W.P. Labuan

5. GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH

5.1 Mengikut kumpulan industri

Jadual 5.1

Guna tenaga dan gaji & upah mengikut kumpulan industri, 2010

Aktiviti kumpulan industri	Guna tenaga (bilangan)		Gaji & upah (RM'000)	Purata gaji & upah tahunan pekerja bergaji (RM)
	Pemilik bekerja ¹	Pekerja bergaji ²		
Jumlah	461	24,852	667,389	26,855
Penakungan, perawatan dan bekalan air	31	11,286	369,137	32,708
Pembetungan	10	3,684	111,411	30,242
Pengumpulan sisa	394	7,983	135,647	16,992
Rawatan dan pelupusan sisa	5	666	26,495	39,782
Pemulihan semula bahan	14	1,040	21,367	20,545
Aktiviti pemulihan dan lain-lain	7	193	3,331	17,259

Nota: ¹ Termasuk rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji

² Pekerja bergaji sepenuh masa dan sambilan

RINGKASAN PENEMUAN

Bilangan guna tenaga sektor ini adalah seramai 25,313 orang. Pekerja bergaji merekodkan sejumlah 24,852 orang (98.2%) dengan gaji & upah dibayar sebanyak RM667.4 juta. Kumpulan industri penakungan, perawatan dan bekalan air mencatatkan bilangan pekerja bergaji tertinggi iaitu 11,286 orang (45.4%), diikuti pengumpulan sisa 7,983 orang (32.1%) dan pembetungan 3,684 orang (14.8%).


Bayaran gaji & upah tertinggi juga didahului ketiga-tiga kumpulan industri ini iaitu masing-masing menerima RM369.1 juta (55.3%), RM135.6 juta (20.3%) dan RM111.4 juta (16.7%). Namun demikian, purata gaji & upah tahunan pekerja bergaji didahului kumpulan industri rawatan dan pelupusan sisa sebanyak RM39,782 manakala pengumpulan sisa mencatatkan purata terendah dengan RM16,992 (Jadual 5.1).

5.2 Mengikut negeri

W.P. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan guna tenaga tertinggi iaitu 6,512 orang (25.7%), diikuti Selangor 4,748 orang (18.8%), Johor 2,733 orang (10.8%), Kedah 2,353 (9.3%) dan Melaka 1,937 (7.6%) (Carta 5.1).

Carta 5.1


Peratus guna tenaga mengikut negeri, 2010



Nota: ¹ Termasuk W.P. Labuan

Carta 5.2

Peratus gaji & upah mengikut negeri, 2010



Nota: ¹ Termasuk W.P. Labuan

Bayaran gaji & upah mengikut negeri merekodkan W.P. Kuala Lumpur menerima bayaran sebanyak RM215.8 juta (32.3%) berbanding Selangor RM96.8 juta (14.5%), Johor RM91.5 juta (13.7%) dan Kedah RM61.0 juta (9.1%). Secara kumulatif, negeri-negeri lain hanya menerima 30.4 peratus daripada jumlah keseluruhan gaji & upah (Carta 5.2).


RINGKASAN PENEMUAN

5.3 Mengikut kategori pekerja

Carta 5.3 menunjukkan pekerja sepenuh masa mencatatkan sejumlah 24,587 orang (97.1%), pemilik bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji 461 orang (1.8%); dan pekerja bergaji sambilan 265 (1.1%).

Carta 5.3

Guna tenaga mengikut kategori pekerja, 2010



Nota: ¹ Termasuk rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji

5.4 Mengikut pekerjaan

Jadual 5.2 menunjukkan taburan gaji & upah bagi pekerja bergaji sepenuh masa seramai 24,587 orang mengikut jenis pekerjaan dengan bayaran gaji & upah berjumlah RM665.0 juta. Pekerja am mencatatkan bilangan paling ramai iaitu 12,474 orang (50.7 %) menerima gaji & upah sebanyak RM206.0 juta (31.0%). Ini diikuti oleh pekerjaan kategori teknikal dan penyeliaan; dan perkeranian dan pekerjaan berkaitan masing-masing seramai 4,784 orang (19.5%) dan 4,416 orang (18.0%) dengan gaji & upah RM156.2 juta (23.5%) dan RM112.8 juta (17.0%). Sementara itu, kategori pengurusan, profesional dan eksekutif mencatatkan bilangan pekerja bergaji seramai 2,913 orang (11.8%) dengan purata gaji & upah tertinggi iaitu RM65,202 (Jadual 5.2).

Jadual 5.2

Gaji & upah bagi pekerja sepenuh masa mengikut pekerjaan, 2010


Pekerjaan	Pekerja sepenuh masa		Gaji & upah		Purata gaji & upah setahun (RM)
	Bilangan	%	RM'000	%	
Jumlah	24,587	100.0	664,978	100.0	27,046
Pengurusan, profesional dan eksekutif	2,913	11.8	189,933	28.5	65,202
Teknikal dan penyeliaan	4,784	19.5	156,209	23.5	32,652
Perkeranian dan pekerjaan berkaitan	4,416	18.0	112,834	17.0	25,551
Pekerja am	12,474	50.7	206,001	31.0	16,514

RINGKASAN PENEMUAN

6. TARAF SAH

Carta 6.1

Peratus pertubuhan mengikut taraf sah, 2010




Pertubuhan hak milik perseorangan menguasai 360 pertubuhan (59.9%) daripada keseluruhan 601 pertubuhan yang beroperasi dalam sektor ini pada 2010. Syarikat sendirian berhad dan syarikat awam berhad pula memiliki 199 pertubuhan (33.1%) manakala perkongsian dengan 42 pertubuhan (7.0%) (Carta 6.1).

Carta 6.2

Syarikat sendirian berhad dan syarikat awam berhad menjana nilai output kasar dan nilai ditambah yang terbesar masing-masing RM7,706.3 juta (98.2%) dan RM3,479.6 (98.4%). Baki yang kurang daripada dua peratus disumbangkan oleh pertubuhan hak milik perseorangan dan perkongsian (Carta 6.2).

Nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut taraf sah, 2010




7. NILAI HARTA TETAP

Nilai harta tetap yang dimiliki dalam sektor ini pada 2010 adalah sebanyak RM5,255.8 juta. Kumpulan industri penakungan, perawatan dan bekalan air mencatatkan nilai terbesar iaitu RM3,468.4 juta (66.0%). Ini diikuti oleh kumpulan pembetungan dengan jumlah RM1,026.2 juta (19.5%), manakala baki 14.5 peratus lagi dikumpul oleh empat kumpulan industri yang lain (Carta 7.1).

Carta 7.1


Peratus nilai harta tetap mengikut kumpulan industri, 2010



RINGKASAN PENEMUAN

Carta 7.2

Peratus nilai harta tetap mengikut negeri, 2010



Nota: ¹ Termasuk W.P. Labuan


Selangor memiliki nilai harta tetap tertinggi iaitu RM2,362.3 juta (44.9%) mengatasi W.P. Kuala Lumpur RM1,250.4 juta (23.8%) dan Pulau Pinang RM676.2 juta (12.9%). Secara kumulatif ketiga-tiga negeri ini menyumbang 81.6 peratus daripada nilai harta tetap sektor ini (Carta 7.2).

8. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Carta 8.1


Pertubuhan milikan wanita hanya terdapat di dalam empat daripada enam kumpulan industri dengan mencatatkan bilangan sebanyak 53 pertubuhan (8.8%). Kumpulan industri pengumpulan sisa merekodkan bilangan pertubuhan milikan wanita tertinggi iaitu 39 pertubuhan (73.6%) [Carta 8.1].

Pertubuhan milikan wanita mengikut kumpulan industri, 2010



Carta 8.2

Pertubuhan milikan wanita mengikut negeri, 2010



Nota: ¹ Termasuk Perlis

² Termasuk Kelantan

³ Termasuk W.P. Kuala Lumpur

Selangor mencatatkan bilangan pertubuhan milikan wanita tertinggi iaitu 16 pertubuhan (30.2%) berbanding negeri-negeri lain yang memiliki antara tiga hingga tujuh pertubuhan sahaja. Tiada pertubuhan milikan wanita direkodkan di Melaka dan Negeri Sembilan (Carta 8.2).

SUMMARY FINDINGS

WATER SUPPLY; SEWERAGE, WASTE MANAGEMENT AND REMEDIATION ACTIVITIES

1. INTRODUCTION

This report presents statistics on water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector derived from the 2011 Economic Census for the reference year 2010.

2. OVERALL PERFORMANCE

A total of 601 establishments have provided feedback in 2010. The value of gross output generated by this sector amounted to RM7,847.0 million with intermediate inputs of RM4,311.6 million and the value added of RM3,535.4 million.

A total of 25,313 persons employed in this sector with salaries & wages of RM667.4 million. The recorded value of fixed assets amounted for RM5,255.8 million (Table 2.1).

Table 2.1

Principal statistics of the water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector, 2010

Principal statistics	2010
Establishment (number)	601
Value of gross output (RM million)	7,847.0
Value of intermediate input (RM million)	4,311.6
Value added (RM million)	3,535.4
Employment (number)	25,313
Salaries & wages (RM million)	667.4
Value of fixed assets (RM million)	5,255.8

3. PERFORMANCE BY INDUSTRY GROUP

Waste collection industry group recorded the largest number of establishments of 423 establishments (70.4%), followed by water collection, treatment & supply industry group with 77 establishments (12.8%), sewerage 33 (5.5%), material recovery 31 (5.2%), remediation activities & other waste management services 20 (3.3%) and waste treatment & disposal of 17 (2.8%).

Water collection, treatment & supply was the largest contributor to the value of gross output and value added with RM4,621.8 million (58.9%) and RM2,727.8 million (77.2%) respectively. This was followed by the waste collection and sewerage at RM1,372.6 million (17.5%) and RM723.2 million (9.2%) for value of gross output respectively, while RM352.4 million (10.0%) and RM209.3 million (5.9%) respectively for value added.

Three other industry groups recorded only 14.4 per cent to the value of gross output and 6.9 per cent of the value added (Chart 3.1 and Chart 3.2)

SUMMARY FINDINGS

Chart 3.1

Percentage of value of gross output by industry group, 2010





Chart 3.2

Percentage of value added by industry group, 2010




4. PERFORMANCE BY STATE

Selangor recorded the highest number of establishments with 201 establishments (33.4%), followed by Pulau Pinang 109 (18.1%), Johor 77 (12.8%) and Perak 64 (10.7%). Cumulatively, these four states represent 75.0 per cent of the total establishments in this sector (Chart 4.1).

Chart 4.1

Percentage number of establishments by state, 2010



Note: ¹ Includes W.P. Labuan


W.P. Kuala Lumpur recorded the largest value of gross output of RM2,458.5 million (31.3%) preceded Selangor RM2,027.7 million (25.8%), Johor RM1,156.4 million (14.7%) and Melaka RM585.2 million (7.5%).

SUMMARY FINDINGS

The situation is almost similar to the value added in which W.P. Kuala Lumpur surpassed other states with RM1,636.7 million (46.3%), followed by Selangor RM891.7 million (25.2%) and Johor RM295.3 million (8.4%). While Negeri Sembilan RM151.6 million (4.3%) overcome Melaka in the fourth position (Chart 4.2).

Chart 4.2

Percentage of value of gross output and value added by state, 2010



Note: ¹ Includes W.P. Labuan

5. EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES

5.1 By industry group

Table 5.1

Employment and salaries & wages by industry group, 2010

Industry group activities	Employment (number)		Salaries & wages (RM'000)	Average annual salaries & wages for paid employees (RM)
	Working proprietors ¹	Paid employees ²		
Total	461	24,852	667,389	26,855
Water collection, treatment and supply	31	11,286	369,137	32,708
Sewerage	10	3,684	111,411	30,242
Waste collection	394	7,983	135,647	16,992
Waste treatment and disposal	5	666	26,495	39,782
Material recovery	14	1,040	21,367	20,545
Remediation activities and other waste management services	7	193	3,331	17,259

Note: ¹ Includes active business partners and unpaid family workers

² Full-time and part-time employees

SUMMARY FINDINGS

Number of employment in this sector was 25,313 persons. Paid employees recorded a total of 24,852 persons (98.2%) with salaries and wages paid amounted to RM667.4 million. Water collection, treatment and supply industry groups recorded the highest number of employees with 11,286 persons (45.4%), followed by waste collection 7,983 persons (32.1%) and sewerage 3,684 persons (14.8%).


Highest salaries & wages also led by these three industry groups that received RM369.1 million (55.3%), RM135.6 million (20.3%) and RM111.4 million (16.7%) respectively. However, the average annual salaries & wages for paid employees led by waste treatment and disposal industry group with RM39,782 while the waste collection recorded the lowest average of RM16,992 (Table 5.1).

5.2 By state

W.P. Kuala Lumpur recorded the highest number of employment with 6,512 persons (25.7%), followed by Selangor 4,748 persons (18.8%), Johor 2,733 persons (10.8%), Kedah 2,353 (9.3%) and Melaka 1,937 (7.6%) [Chart 5.1].

Chart 5.1


Percentage of employment by state, 2010



Note: ¹ Includes W.P. Labuan

Chart 5.2

Percentage of salaries & wages by state, 2010



Total salaries & wages: RM667.4 million

Note: ¹ Includes W.P. Labuan

Salaries & wages paid by state recorded that W.P. Kuala Lumpur received a payment of RM215.8 million (32.3%) as compared to Selangor RM96.8 million (14.5%), Johor RM91.5 million (13.7%) and Kedah RM61.0 million (9.1%). Cumulatively, other states received only 30.4 per cent of the total salaries and wages (Chart 5.2).


SUMMARY FINDINGS

5.3 By category of workers

Chart 5.3

Chart 5.3 shows that the full-time employees recorded a total of 24,587 persons (97.1%), working proprietors, active business partners and unpaid family workers 461 people (1.8%), and part-time employees 265 (1.1%).

Employment by category of workers, 2010



Note: ¹ Includes active business partners and unpaid family workers

5.4 By occupation

Table 5.2 shows that the distribution of salaries and wages for full-time employees was 24,587 persons by type of employment with salaries & wages amounting to RM665.0 million. General workers recorded the most numbers with 12,474 persons (50.7%) received salaries & wages of RM206.0 million (31.0%). This was followed by technical and supervisory category, and clerical and related workers of 4,784 persons (19.5%) and 4,416 persons (18.0%) respectively with salaries & wages of RM156.2 million (23.5%) and RM112.8 million (17.0 %). Meanwhile, the managerial, professional and executive employees recorded number of 2,913 persons (11.8%) with the highest average annual salaries & wages of RM65,202 (Table 5.2).

Chart 5.4

Salaries & wages for full-time employees by occupation, 2010


Occupation	Full-time employees		Salaries & wages		Average annual salaries & wages (RM)
	Number	%	RM'000	%	
Total	24,587	100.0	664,978	100.0	27,046
Managerial, professionals and executives	2,913	11.8	189,933	28.5	65,202
Technical and supervisory	4,784	19.5	156,209	23.5	32,652
Clerical and related occupation	4,416	18.0	112,834	17.0	25,551
General workers	12,474	50.7	206,001	31.0	16,514

SUMMARY FINDINGS

6. LEGAL ORGANISATION

Chart 6.1


Percentage of establishment by legal organisation, 2010



Individual proprietorship dominate with 360 establishments (59.9%) of the 601 establishments operating in this sector in 2010. Private limited company and a public limited company in turn owns 199 establishments (33.1%) while the partnership with 42 establishments (7.0%) [Chart 6.1].

Chart 6.2

Value of gross output and value added by legal organisation, 2010




Private limited companies and public limited company generated the largest value of gross output and value added RM7,706.3 million (98.2%) and RM3,479.6 (98.4%) respectively. While the remaining less than two per cent was contributed by the individual proprietorship and partnership establishments (Chart 6.2).

7. VALUE OF FIXED ASSETS

The value of fixed assets owned in this sector in 2010 was amounted to RM5,255.8 million. Water collection, treatment and supply industry group recorded the largest value of RM3,468.4 million (66.0%). This was followed by the sewerage with RM1,026.2 million (19.5%), while the remaining 14.5 per cent were collected by four other industry groups (Charts 7.1).

Chart 7.1


Percentage of value of fixed assets by industry group, 2010



SUMMARY FINDINGS

Chart 7.2

Percentage of value of fixed assets by state, 2010



Note: ¹ Includes W.P. Labuan

Selangor has the highest value of fixed assets of RM2,362.3 million (44.9%) overcome W.P. Kuala Lumpur RM1,250.4 million (23.8%) and Pulau Pinang RM676.2 million (12.9%). Cumulatively these three states accounted for 81.6 per cent of the value of fixed assets (Chart 7.2).

8. WOMEN-OWNED ESTABLISHMENTS

Chart 8.1

Women-owned establishments has only in four of the six industry groups to indicate the number of 53 establishments (8.8%). Waste collection industry group recorded the highest number of women-owned establishment of 39 establishments (73.6%) [Chart 8.1].

Women-owned establishment by industry group, 2010





Chart 8.2

Women-owned establishment by state, 2010




Note: ¹ Includes Perlis

² Includes Kelantan

³ Includes W.P. Kuala Lumpur

The breakdown by state showed Selangor recorded the highest number of women-owned establishment of 16 establishments (30.2%) surpassed the other states which only owned between three to seven establishments. Women-owned establishment were not recorded in Melaka and Negeri Sembilan (Chart 8.2).



NOTA TEKNIKAL

TECHNICAL NOTES

NOTA TEKNIKAL

1. Pendahuluan

Laporan ini memuatkan data berkaitan sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011.

2. Objektif

Objektif utama banci adalah untuk mengumpul maklumat tentang pertubuhan, sumbangan, komposisi dan taburan output, nilai ditambah, guna tenaga dan boleh ubah lain bagi sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan untuk membantu kerajaan dalam perancangan pembangunan dan penggubalan dasar. Data yang diperoleh boleh digunakan dalam penyusunan akaun negara, jadual input-output serta kajian tertentu. Maklumat tersebut juga digunakan oleh penggubal dasar, ahli ekonomi, perancang dan ahli akademik bagi tujuan unjuran dan analisis ekonomi.

3. Kuasa perundangan

Banci ini dilaksanakan di bawah **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Seksyen 5 di bawah Akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik yang diterima adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan.

4. Skop dan liputan

Banci ini meliputi semua pertubuhan yang terlibat dalam sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan. Sebanyak 18 kod industri di peringkat 5-digit diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen E (Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan) di dalam Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Ver.1.0. Senarai lengkap industri yang diliputi ditunjukkan di Lampiran (**Muka surat 65**).

5. Rangka (sumber)

Sumber maklumat utama rangka pertubuhan diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ianya meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti alam sekitar (seperti dalam Seksyen E, MSIC 2008) sebagai aktiviti utamanya. Selain daripada SSM, maklumat rangka juga dikemas kini daripada sumber seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), syarikat konsensi pengurusan sisa, iklan surat khabar dan laman web.

6. Metodologi

Banci ini dijalankan secara mel menggunakan soal selidik. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkap dan mengembalikan soal selidik tersebut kepada Jabatan ini. Selepas tempoh tersebut, kerja luar dijalankan untuk mendapatkan borang lengkap daripada pertubuhan yang tidak respon.

NOTA TEKNIKAL

7. Unit pelapor

Unit pelapor bagi banci ini ialah **pertubuhan**. Sesebuah pertubuhan secara ideal ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis subsektor ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau ‘*enterprise*’ ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

8. Tahun banci

Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.

9. Tempoh rujukan

Tempoh rujukan bagi banci ini ialah tahun takwim 2010. Pertubuhan yang mempunyai tahun perakaunan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sebahagian besar daripada tahun rujukan.

10. Jenis aktiviti perniagaan

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menggunakan sebahagian besar daripada sumbernya atau ia sebagai punca perolehan pendapatan yang tinggi. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah mengikut aktiviti utamanya berdasarkan kepada **Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC)**, 2008 Ver.1.0. MSIC 2008 adalah selaras dengan Klasifikasi Standard Perindustrian Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), semakan keempat pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

11. Konsep dan definisi

Konsep dan definisi yang diguna berasaskan kepada syor-syor Pejabat Perangkaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu¹. Konsep berkenaan mengikut amalan yang sudah diterima pakai bagi memudahkan perbandingan data dibuat di peringkat antarabangsa.

¹ International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations' Statistical Office, Statistical Papers, Series, M No. 90, United Nations, New York, 2009.

NOTA TEKNIKAL

Takrif yang digunakan dalam banci ini adalah selaras dengan ‘Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008’ iaitu aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan (termasuk pemungutan, perawatan dan pembuangan) dalam pelbagai bentuk sisa, seperti sisa pepejal dan bukan pepejal perindustrian atau isi rumah, termasuk juga tapak yang tercemar. Hasil sisa atau proses perawatan pembetungan boleh juga dibuang atau menjadi input kepada proses-proses pengeluaran yang lain. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini, memandangkan aktiviti ini dijalankan secara terus atau mengikut unit yang terlibat dalam rawatan air kumbahan.

12. Taraf sah

Taraf sah sesebuah pertubuhan telah ditakrifkan seperti berikut:

i. Hak milik perseorangan

Ia merujuk kepada perniagaan yang dimiliki dan dijalankan oleh orang perseorangan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan sendiri. Pemilik mempunyai hak mutlak atas segala urusan pertubuhannya

ii. Perkongsian

Ia merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk memperoleh keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh kesemua mereka atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

iii. Syarikat sendirian berhad

Ia merupakan sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup (*closely held*) oleh pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat. Ia didaftarkan dengan tanggungan berhad (*with limited liability*).

NOTA TEKNIKAL

Sesebuah syarikat sendirian berhad mempunyai Memorandum dan Artikel Persatuan sendiri, yang antara lain:

- a) menghadkan hak untuk memindahkan sahamnya;
- b) menghadkan bilangan pemegang saham di antara dua hingga lima puluh orang (tidak termasuk pekerja syarikat itu dan bekas pekerja yang masih menjadi ahli);
- c) melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai untuk membeli apa-apa saham atau debentur syarikat itu; dan
- d) melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai supaya menyimpan wang di syarikat itu bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan atau boleh dibayar apabila dituntut, dengan atau tanpa faedah.

iv. Syarikat awam berhad

Ia merupakan sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan, dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka (*openly held*) dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas. Syarikat tersebut dianggap sebagai sebuah entiti yang sah dan ditubuhkan mengikut Memorandum dan Artikel Persatuan.

v. Koperasi

Ia merujuk kepada sesebuah persatuan sukarela yang bilangan ahlinya tidak terhad dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahli-ahlinya.

vi. Perbadanan awam

Ia merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

vii. Lain-lain

Ia merujuk kepada semua pertubuhan lain yang tidak tergolong di bawah mana-mana kategori yang tersebut di atas.

NOTA TEKNIKAL

13. Hak milik

Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/pemilik-pemilik modal berbayar yang terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kerakyatan mereka.

- i. **Residen Malaysia** ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan/diperbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai residen Malaysia.
- ii. **Bukan Residen Malaysia** ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik residen Malaysia di luar negeri juga dianggap sebagai bukan residen Malaysia.
- iii. **Hak Milik Bersama** ialah Residen Malaysia atau Bukan Residen Malaysia memegang jumlah saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan.

14. Pertubuhan milikan wanita

Merujuk kepada pertubuhan yang memiliki sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti yang dipegang oleh wanita ATAU pemegang saham terbesar adalah wanita dan pertubuhan diuruskan oleh wanita ATAU Pengarah Urusan atau Ketua Pengarah Eksekutif adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

15. Jumlah pekerja

Jumlah pekerja merujuk kepada bilangan orang yang bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir bagi tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:

i. Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga, sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam sesebuah pertubuhan itu. Justeru, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.

NOTA TEKNIKAL

ii. Pekerja keluarga tidak bergaji

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah kepada pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara tetap, sama ada dalam bentuk wang tunai atau harta benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik tersebut dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak di dalam pertubuhan itu.

iii. Pekerja bergaji sepenuh masa

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya enam jam sehari dan sekurang-kurangnya 20 hari sebulan.

iv. Pekerja bergaji sambilan

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada enam jam sehari dan/atau kurang daripada 20 hari sebulan.

16. Gaji & upah dibayar

Ia merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk bonus yang dibayar, komisen, bayaran lebih masa, elaun kos sara hidup dan elaun-elaun lain yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh tahun rujukan. Sementara caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, caruman oleh majikan **dikecualikan**. Elaun kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga **dikecualikan**.

17. Nilai harta tetap

Harta tetap meliputi semua barang, baru atau terpakai, ketara atau tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun. Ia termasuk tanah, bangunan dan struktur, alat pengangkutan, komputer dan peralatan periferal, perisian komputer, peralatan mesin dan lain, serta perabot dan pemasangan lain. Nilai harta pembuka dan penutup 2010 berasaskan nilai buku akaun. Pembelian, pindaan dan pemberian besar atau perbelanjaan modal pada tahun berkenaan dikira pada nilai sebenar yang dibayar. Nilai aset yang dijual dalam tahun semasa juga dikira pada nilai sebenar.

NOTA TEKNIKAL

- 18. Perbelanjaan modal** Merujuk kepada nilai belian dan akaun harta tetap bagi pembinaan sendiri sepanjang tahun rujukan. Selain itu, pengubahan dan penambahbaikan ke atas harta sedia ada yang dapat melanjutkan masa sesuatu ekonomi atau meningkatkan sesuatu produktiviti juga termasuk dalam definisi ini.
- 19. Nilai output kasar** Nilai output kasar sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan meliputi:
- + Pendapatan daripada perkhidmatan/ perolehan
 - + Nilai barang yang dijual dalam keadaan yang sama semasa dibeli
 - Nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan yang sama semasa dibeli.
 - + Perkhidmatan pengurusan
 - + Komisen dan brokeraj yang diperoleh
 - + Bayaran yuran yang diterima daripada keahlian
 - + Pendapatan daripada sewaan yang diterima: bangunan
 - + Pendapatan daripada sewaan yang diterima: alat pengangkutan
 - + Pendapatan daripada sewaan yang diterima: lain-lain (tidak termasuk sewa tanah)
 - + Pendapatan operasi lain
 - + Cukai dan bayaran perkhidmatan
 - + Harta tetap dibuat/dibina sendiri
 - + Stok akhir (termasuk bahan mentah, pembakar, bekalan, bahan pembungkus dan alat ganti)
 - Stok awal (termasuk bahan mentah, pembakar, bekalan, bahan pembungkus dan alat ganti)
 - + Stok akhir: barang yang dibeli untuk dijual semula (stok perdagangan)
 - Stok awal: barang yang dibeli untuk dijual semula (stok perdagangan)
- 20. Input perantaraan** Input perantaraan sektor bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan meliputi:
- + Pembelian barang, bahan dan perkhidmatan
 - + Premium insurans
 - + Bayaran royalti dan paten
 - + Caj bank
 - + Pembelian elektrik dan air
 - + Pembelian bahan pembakar, pelincir dan gas
 - + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
 - + Pembelanjaan pematuhan alam sekitar
 - + Lain-lain perbelanjaan operasi

NOTA TEKNIKAL

- 21. Nilai ditambah** Nilai ditambah diperoleh daripada perbezaan antara nilai output kasar dengan input perantaraan.
- 22. Pembundaran** Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.
- 23. Simbol dan huruf ringkas** Simbol dan huruf ringkas berikut digunakan dalam penerbitan ini:
- | | |
|----------|-------------------------------|
| t.t.t.l. | tidak terkelas di tempat lain |
| RM | Ringgit Malaysia |
| > | lebih daripada |
| < | kurang daripada |
| 0.0 | kurang dari 0.05 |
| n.a. | tidak berkaitan |
| - | tiada |
| } | cantum |

TECHNICAL NOTES

1. Introduction

This report consists of data related to water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector for the reference year 2010. The data were collected and compiled from the Economic Census conducted in 2011.

2. Objective

The main objective of the census is to collect information pertaining to the growth, contribution, composition and distribution of the output, value added, employment and other variables of the water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector to assist the government in economic planning and formulating policies. Data obtained from the census also provides benchmark information and are used for the compilation of national accounts, input-output tables as well as specific studies. The results are used by policy makers, economists, planners and academicians in economic projections and analysis.

3. Legal authority

The survey was conducted under the provisions of the **Statistics Act, 1965 (Revised 1989)**. Section 5 of this Act requires all establishments operating in Malaysia to provide actual information or best estimates to the Department. The Act stipulates that the contents of the individual returns received are confidential and only aggregated figures are published.

4. Scope and coverage

The census covers all establishment involved in the water supply; sewerage, waste management and remediation activities sector. A totals of 18 industry codes at 5-digits level classified by categories covered under Section E (Water supply; sewerage, waste management and remediation activities) in Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC), 2008 Ver.1.0. The complete industry list is shown in the Appendix (**Page 65**).

5. Frame (source)

The main source of information for the establishment frame is obtained from the Companies Commission of Malaysia (CCM). It's covering registered establishments involved in environmental activities (as in Section E, MSIC 2008) as its principal activity. Apart from the CCM, the information on the update also from sources such as the National Water Services Commission (SPAN), the Solid Waste Management and Public Cleansing (PPSPPA), the waste management concession, newspaper advertisements and websites.

6. Methodology

The census was primarily conducted through mail enquiry. Respondents were given one month to complete and return the questionnaires to the Department. Field enumeration was then carried out to collect the completed questionnaires from the establishments that did not respond.

TECHNICAL NOTES

7. Reporting unit

The reporting unit used in the census was the **establishment**. An establishment is defined as “an economic unit engaged in one activity, under a single legal entity and operating in a single physical location”. Each establishment was assigned an industry classification based on its principal activity and not to that of its parent company.

Thus, each branch of a multi-branch organisation at a different location was conceptually treated as a different location establishment. The establishment is requested to give separate returns for each sub-sector in terms of value. However, if in practice, the accounts were centrally kept such that it was not possible to obtain separate data for each individual unit or branch. The entity or enterprise was treated as a single reporting unit and allowed to submit a consolidated questionnaire covering all the units or branches.

8. Census year

Census year refers to the year in which the census was conducted.

9. Reference year

The reference period for this census was the calendar year 2010. Establishments which accounting year differed from the calendar year were requested to report according to the accounting or financial year covering the major part of the reference year.

10. Type of business activity

The type of business activity refers to both the principal and secondary activities. The principal activity refers to the activity to which the establishment devoted most of its resources or to which it derived most of its income. Secondary activities are defined as those incidental or ancillary to the principal activity. The classification of the industry of the establishment is based on its principal activity and is in accordance with **Malaysia Standard Industrial Classification** (MSIC), 2008 Ver.1.0. The MSIC 2008 conforms to the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Rev.4, United Nations.

11. Concepts and definitions

Concepts and definitions used are based on the recommendations of the United Nations' Statistical Office¹. These concepts adhere to accepted practices, thereby facilitating international comparability of data.

¹ International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations' Statistical Office, Statistical Papers, Series, M No. 90, United Nations, New York, 2009.

TECHNICAL NOTES

The definitions of water supply; sewerage, waste management and remediation activities used in this census follows that of the 'Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008' that is activities related to the management (including collection, treatment and disposal) of various forms of waste, such as solid or non-solid industrial or household waste, as well as contaminated sites. The output of the waste or sewage treatment process can either be disposed of or become an input into other production processes. Activities of water supply are also grouped in this sector, since they are often carried out in connection with, or by units also engaged in, the treatment of sewage.

12. Legal organisation

The legal organisation of an establishment has been defined as follows:

i. **Individual proprietorship**

This refers to a business, owned and operated by one person for his own profit. The owner has the exclusive right to control the operation of the establishment.

ii. **Partnership**

This refers to a group of individuals who agreed to contract and to carry out a business with the objective of profit making. All shareholders or anyone could manage the business for all parties. A trading partnership must comprise of at least two members and should not exceed a maximum of twenty members.

iii. **Private limited company**

This is a private corporation established to undertake a business with the objective of profit making. The shares are closely held by the shareholders of the corporation who have control over its operation. It is registered with limited liability.

A private limited company has its Memorandum and Articles of Association, which among others:

- a) restricts the right to transfer its share;
- b) limits the number of its shareholders between two to fifty persons (not including employees of the company and ex-employees who are currently members);

TECHNICAL NOTES

- c) prohibits invitation to the public to subscribe for any shares or debentures of the company; and
- d) prohibits any invitation to the public to deposit money with the company for fixed periods or payable at call without interest.

iv. **Public limited company**

A public limited company is also a private corporation established, with limited liability, by a minimum of two persons to operate the business with the objective of profit making. The shares in a public limited company are openly held, and in the case of a company listed on the stock exchange, the shares are freely transferable. The company is regarded as a legal entity and is constituted by the Memorandum and Articles of Association.

v. **Co-operative**

This refers to a voluntary association with an unrestricted number of members and registered under the Co-operative Act 1993. Funds are collectively owned to meet the needs of members.

vi. **Public corporation**

This refers to an undertaking set up under a Special Act Parliament or by the State Legislature.

vii. **Others**

It refers to all other establishments, which do not fall under any of the categories mentioned above.

13. Ownership

The ownership of an establishment is classified by the residential status of the owner (s) of the majority (more than 50 per cent) of the paid-up capital and not by their citizenship status.

i. **Malaysian Resident** is any individual, company or other organization ordinarily domiciled in Malaysia for a period of at least one year. Malaysian registered branches and incorporated subsidiaries of foreign based/origins are also regarded as residents.

ii. **Non-Malaysian Resident** is any individual, company or other organization ordinarily domiciled in a country other than Malaysia. Foreign branches and/or subsidiaries abroad owned by residents are also regarded as non-residents.

TECHNICAL NOTES

